



25 November 2021
25 November 2021
P.U. (A) 426

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN
AIR (EFLUEN TERLARANG) 2021

*WATER SERVICES INDUSTRY (PROHIBITED EFFLUENT)
REGULATIONS 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
(EFLUEN TERLARANG) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 179 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*] dibaca bersama seksyen 2 dan perenggan 61(1)(a), Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Efluen Terlarang) 2021**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2021.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, “proses rawatan kumbahan” ertinya suatu turutan proses yang sesuai yang dipilih untuk memastikan standard efluen boleh dipatuhi di bawah operasi biasa suatu tempat rawatan kumbahan.

Pelepasan efluen terlarang

3. (1) Tiada seorang pun boleh melepaskan atau membenarkan dilepaskan ke dalam mana-mana pemetung awam atau tempat rawatan kumbahan awam, apa-apa efluen terlarang sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual, tanpa kelulusan Suruhanjaya.

(2) Apa-apa permohonan untuk kelulusan Suruhanjaya di bawah subperaturan (1) boleh dibuat dalam apa-apa cara yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Jadual

4. Bagi maksud Akta dan Peraturan-Peraturan ini, efluen terlarang adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL
[Peraturan 4]
EFLUEN TERLARANG

(1) Lelasan mengandungi bahan cemar, termasuk bahan cemar yang memerlukan oksigen, dalam kuantiti aliran atau kepekatan yang mencukupi, sama ada secara individu atau melalui interaksi dengan bahan pencemar yang lain, yang menyebabkan gangguan dalam tempat rawatan kumbahan termasuk tetapi tidak terhad kepada, bahan-bahan yang menyebabkan kepekatan bahan melebihi kepekatan yang dinyatakan di bawah:

Item	Parameter	Unit	Had
1.	Suhu	°C	40
2.	pH	-	Tidak rendah daripada 6.0 Tidak lebih daripada 9.0
3.	Permintaan Oksigen Biokimia (BOD)	mg/l	250
4.	Pepejal Terampai (SS)	mg/l	300
5.	Permintaan Oksigen Kimia (COD)	mg/l	500
6.	Jumlah Nitrogen (TN)	mg/l	50
7.	Ammoniacal Nitrogen (AMN)	mg/l	30
8.	Jumlah Phosphorus (TP)	mg/l	10
9.	Minyak dan Gris (O&G)	mg/l	50

(2) Apa-apa lelasan dan bahan yang melalui tempat rawatan kumbahan dan menyebabkan pelanggaran Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 [P.U. (A) 432/2009];

(3) Apa-apa lelasan dan bahan yang menjejaskan pelepasan enap cemar kumbahan sebagai sebatian organik;

(4) Apa-apa lepasan dan bahan dengan warna yang meragukan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sisa pewarna dan larutan penyamakan nabati, yang akan melalui tempat rawatan kumbahan dan masuk ke dalam alur air tanpa dirawat secara efektif oleh proses-proses rawatan kumbahan, yang—

- (i) tidak bertindak balas terhadap proses-proses rawatan kumbahan dan kemudahan rawatan pemetungan yang digunakan; atau
- (ii) bertindak balas terhadap proses-proses rawatan kumbahan tetapi tidak sehingga tahap rawatan yang efluen itu tidak boleh memenuhi kehendak undang-undang yang terpakai bagi pelupusan atau rawatan efluen kumbahan dan pelupusan enap cemar kumbahan;

(5) Apa-apa lepasan dan bahan yang merosakkan, mengurangkan fungsi, mengganggu atau menyebabkan gangguan kepada sistem pemetungan dan fungsi-fungsinya atau mewujudkan kesan toksik di dalam alur air yang menjadi bahaya kepada manusia atau haiwan termasuk tetapi tidak terhad kepada—

- (i) bahan pencuci, ejen permukaan aktif atau apa-apa bahan yang boleh menyebabkan buih berlebihan;
- (ii) pepejal, cecair, gas, wap atau wasap toksik atau beracun;
- (iii) ammonia, garam ammonia atau apa-apa ejen pengkelat yang akan menghasilkan kompleks metalik;
- (iv) fenol, hidrogen sulfida atau lain-lain bahan penghasil rasa dan bau;
- (v) bahan pencemar yang dibawa melalui tangki;
- (vi) logam berat;
- (vii) bahan-bahan berasid yang mengandungi pH rendah daripada 6.0 atau asid kuat atau larutan penyaduran pekat sama ada dineutralkan atau tidak;

(viii) buangan terjadual sebagaimana yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 [P.U. (A) 294/2005];

(ix) sisa atau isotop radioaktif; dan

(x) racun makhluk perosak, racun kulat, racun herba, racun serangga, racun tikus atau wasap;

(6) Apa-apa gris atau minyak yang dilepaskan dalam pembedung yang boleh menyumbat pembedung dan membebani secara berlebihan peralatan menapis dan menangani gris termasuk tetapi tidak terhad kepada lemak, lilin, gris atau minyak, daripada restoran-restoran atau apa-apa kemudahan lain, sama ada diemulsi atau tidak, mengandungi bahan-bahan yang boleh memejalkan atau menjadi likat pada suhu antara 0°C dengan 40°C;

(7) Bahan-bahan pepejal atau likat yang boleh menyebabkan halangan kepada aliran di dalam pembedung termasuk tetapi tidak terhad kepada abu, arang, pasir, lumpur, jerami, logam, kaca, kain buruk, bulu pelepah, tar, sampah, baja tahi, rambut dan daging, usus, bahan kertas, sisa daripada pengisar sampah, kepingan kayu, sisa asphalt dan sisa daripada proses pemurnian bahan bakar atau minyak pelincir;

(8) Apa-apa lepasan atau bahan yang boleh menyebabkan efluen loji rawatan atau apa-apa hasil loji rawatan kumbahan seperti sisa-sisa, enap cemar atau kekam, menjadi tidak sesuai bagi proses pemuliharaan dan guna semula, atau boleh mengganggu proses pemuliharaan.

Dibuat 18 November 2021
[KASA.BAP.(S).700-1/1/1; PN(PU2)660/JLD. 15]

DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN
Menteri Alam Sekitar dan Air

WATER SERVICES INDUSTRY ACT 2006

WATER SERVICES INDUSTRY (PROHIBITED EFFLUENT) REGULATIONS 2021

IN exercise of the powers conferred by section 179 of the Water Services Industry Act 2006 [Act 655] read together with section 2 and paragraph 61(1)(a), the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Water Services Industry (Prohibited Effluent) Regulations 2021**.

(2) These Regulations come into operation on 1 December 2021.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires, “sewage treatment process” means a suitable sequence of processes selected to ensure that the effluent standards can be met under the normal operations of a sewage treatment works.

Discharge of prohibited effluent

3. (1) No person shall discharge into or allow to be discharged into any public sewer or public sewage treatment works, any prohibited effluent as specified in the Schedule, without the approval of the Commission.

(2) Any application for the approval of the Commission under subregulation (1) may be made in any manner to be determined by the Commission.

Schedule

4. For the purpose of the Act and these Regulations, the prohibited effluent is as specified in the Schedule.

SCHEDULE
[Regulation 4]
PROHIBITED EFFLUENT

(1) Discharge containing pollutants, including oxygen-demanding pollutants, in sufficient quantity of flow or concentration, either individually or by interaction with other pollutants, causing interference in the sewage treatment works including but are not limited to, materials which cause concentrations of substances to exceed the concentrations as specified below:

Item	Parameter	Unit	Limit
1.	Temperature	°C	40
2.	pH	-	Not lower than 6.0 Not higher than 9.0
3.	Biological Oxygen Demand (BOD)	mg/l	250
4.	Suspended Solids (SS)	mg/l	300
5.	Chemical Oxygen Demand (COD)	mg/l	500
6.	Total Nitrogen (TN)	mg/l	50
7.	Ammoniacal Nitrogen (AMN)	mg/l	30
8.	Total Phosphorus (TP)	mg/l	10
9.	Oil and Grease (O&G)	mg/l	50

(2) Any discharge and substance that passes through sewage treatment works and breaches the Environmental Quality (Sewage) Regulations 2009 [P.U. (A) 432/2009];

(3) Any discharge and substance that affects the disposal of sewage sludge as organic compound;

(4) Any discharge and substance with objectionable colour, including but not limited to dye wastes and vegetable tanning solutions, which will pass through the sewage treatment works and enter a watercourse without being effectively treated by sewage treatment processes, which—

- (i) is not responsive to the sewage treatment processes and the sewerage treatment facilities used; or
 - (ii) is responsive to the sewage treatment processes but not to such degree of treatment where the effluent still does not meet the requirements of applicable laws for disposal or treatment of sewage effluent and disposal of sewage sludge;
- (5) Any discharge or substance that damage, impair, interfere or causes interference to sewerage systems and its functions or create a toxic effect in the watercourse that constitute a hazard to humans or animals including but not limited to—
- (i) detergents, surface-active agents or other substances which may cause excessive foaming;
 - (ii) toxic or poisonous solids, liquids, gases, vapours or fumes;
 - (iii) ammonia, ammonia salts or other chelating agents which will produce metallic complexes;
 - (iv) phenols, hydrogen sulphide or other taste and odour producing substances;
 - (v) tankered pollutants;
 - (vi) heavy metals;
 - (vii) acidic substances which has a pH lower than 6.0 or a strong acid or concentrated plating solution whether neutralized or not;
 - (viii) scheduled waste as prescribed in the Environmental Quality (Scheduled Wastes) Regulations 2005 [*P.U. (A) 294/2005*];
 - (ix) radioactive wastes or isotopes; and

- (x) pesticide, fungicide, herbicide, insecticide, rodenticide or fumigant;
- (6) Any grease or oil discharged in the sewers that can clog the sewers and overload skimming and grease handling equipment including but not limited to fats, wax, grease or oils, from restaurants or other facilities, whether emulsified or not, containing substances which may solidify or become viscous at temperatures between 0°C to 40°C;
- (7) Solid or viscous substances which may cause obstruction to the flow in a sewer including but not limited to ashes, cinders, sand, mud, straw, metal, glass, rags, feathers, tar, garbage, paunch manure, hair and fleshing, entrails, paper products, waste from garbage grinders, wood, asphalt residues and residues from refining processes of fuel or lubricating oil;
- (8) Any discharge or substance which may cause the treatment plant's effluent or any other product of the sewage treatment plant such as residues, sludge or scums, to be unsuitable for reclamation and reuse, or may interfere with the reclamation process.

Made 18 November 2021

[KASA.BAP.(S).700-1/1/1; PN(PU2)660/JLD. 15]

DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN
Minister of Environment and Water